# UPSR BAHASA MALAYSIA - LATIHAN TATABAHASA 2

1. Pak Mat termenung sambil ___________ untung nasib anak-anaknya yang tidak bersekolah itu.
   A melihat B merenung
   C memandang D menengok

   **Jawapan B**
   B merenung→ berfikir panjang

   Soalan berdasarkan gambar di bawah ini.



2. Pada setiap pagi ayah _____________ misai dan janggutnya supaya nampak kemas dan tampan.
   A mencukur B memotong
   C mengikis D mencabut

   **Jawapan A**
   C mengikis→ menghapuskan D mencabut (rumput)

3. Buku teknik-teknik Bijak Belajar UPSR keluaran Eastview Publication dapat ___________ para pelajar untuk berjaya dengan cemerlang dalam peperiksaan.
   A mengajar B mendidik
   C membimbing

   **Jawapan C**
   C membimbing → mengasuh

4. Walaupun baru pertama kali bertemu, Wati dan Kumari sudah dapat ___________bagaikan telah lama berkenalan.
   A bertepuk tampar B berkenal mesra
   C bersuka ria D bersatu hati

   **Jawapan A**
   A bertepuk tampar → sangat mesra / rapat
   C bersuka ria→ gembira / bergirang
   D bersatu hati→ bersepadu / bersepakat

WWW.ANDREWCHOO.EDU.MY

Soalan 5 berdasarkan gambar ini.



5. Rumah ialah tempat __________ daripada panas dan hujan serta ancaman binatang buas.
   A berteduh B berpayung
   C berlindung

**Jawapan A**

6. Telah sebulan ayahnya tidak pulang setelah masuk ke dalam ______________ itu untuk mencari buluh.
   A gunung ganang B bukit bukau
   C hutan rimba D semak samun

**Jawapan C**
C hutan rimba→ hutan yang tebal B bukit bukau→ banyak bukit

7. Tukang rumah itu memasang ___________ pada setiap tingkap dan pintu dengan teliti.
   A tetupai B lelangit
   C kekisi D kekuda

**Jawapan B**
C lelangit→ bahagian atas dalam mulut
Soalan 8 berdasarkan gambar di bawah ini.



8. Ayah membayar harga tepung dengan menggunakan beberapa ___________duit syiling.
   A keping B ketul
   C helai D buah

**Jawapan A**

WWW.ANDREWCHOO.EDU.MY

9. Ah Cheng menulis beberapa _____________ayat untuk dijadikan __________pantun.
A baris…..serangkap B patah…..baris
C buah…..sepatah

**Jawapan A**

10. Sejak kejadian semalam , Salmiah ___________untuk berkawan dengan Samad lagi.
A iri hati B makan hati
C tawar hati

**Jawapan C**
A iri hati→ cemburu/ iri hati B makan hati → terlalu sedih
C tawar hati → tidak berminat / kecewa

11. __________yang tersebar luas di kampong Melayu amat memalukan Mak Joyah sekeluarga.
A khabar angin B cakap besar
C buah fikiran D mulut murai

**Jawapan A**

A khabar angin→ desas desus B cakap besar → bangga diri

C buah fikiran→ idea/ pendapat D mulut murai→ becok/ bising

Soalan 12 berdasarkan gambar



12. Pasar raya itu terletak____________ pejabat pos dan klinik desa.
A antara B di antara
C di dalam C di

**Jawapan B**

Soalan 13 berdasarkan gambar di bawah ini.



13. Cikgu Hanafiah menyoal murid tahun 6 Dedikasi seorang __________seorang.

WWW.ANDREWCHOO.EDU.MY

A demi
B untuk
C dari

**Jawapan A**

14. Para penonton memberi tepukan yang __________ selepas Siti Nurhaliza membuat persembahan.
A gegar
B lantang
C riuh
D gemuruh

**Jawapan D**

A gegar→ goyang
B lantang→ kuat dan jelas
D gemuruh→ hangat

Soalan 15 berdasarkan gambar di bawah ini.



15. Peninju Malaysia telah ___________ dalam perlawanan tinju peringkat akhir di Sukan Sea baru-baru ini.
A tewas
B seri
C bangkit
D gugur

**Jawapan A**

A tewas→ kalah
B seri→ sama/ cantik
C bangkit→ bangun
D gugur→ jatuh

16. Hembusan bayu yang ___________ telah menidurkan Hamka di tepian pantai.
A lembik
B lembut
C ganas
D keras

**Jawapan B**

Soalan 17 berdasarkan gambar di bawah



WWW.ANDREWGOO.EDU.MY

17.______________ sistem pengangkutan di Malaysia boleh dimajukan?

A Berapakah B Di manakah

C Bagaimanakah

**Jawapan C**

18.______________ bencana Tsunami telah melanda di utara Semenanjung Malaysia?

A Di manakah B Apakah

C Bilakah

**Jawapan C**

19.Pegawai Kastam itu menggunakan khidmat _____________apabila menyoal siasat seorang pelancong asing.

A jururengkas C jurucakap

C jurutulis D jurubahasa

**Jawapan D**

20.____________itu mengumumkan ketibaan tetamu kehormat pada Hari Sukan Sekolah.

A Juru azan B Juruacara

B Tatacara D juruiring

**Jawapan B**

21.Keluarga Ahmad jarang ______________makan di restoran makanan segera.

A paling B sekali

C sangat

**Jawapan B**

Pilih perkataan **seerti** bagi perkataan bergaris



22.Ibu menyisir rambut adik supaya nampak kemas dan rapi.

A menyikat B membelai

C mengulas D mendandan

**Jawapan A**

WWW.ANDREWCHOO.EDU.MY

Pilih perkataan **berlawanan** bagi perkataan yang bergaris

23.Mereka ialah pekerja <u>sementara</u> di syarikat kami.

A kekal B baru

C lama D cekap

**Jawapan A**

A kekal→ abadi D cekap→ mahir

Pilih ayat tanya yang sesuai bagi jawapan yang di berikan.

24.Kerajaan mengambil langkah mancatu bekalan air ke kawasan –kawasan di sekitar Selangor untuk mengatasi masalah kekurangan air di negeri ini.

A Siapakah yang mencatu bekalan air ke kawasan-kawasan di sekitar Selangor?

B Bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah kekurangan air di negeri Selangor?

C Kawasan manakah yang mendapat bekalan air daripada kerajaan negeri Selangor?

D Apakah masalah yang di hadapi oleh kerajaan negeri Selangor?

**Jawapan B**

Pilih jawapan yang paling sesuai bagi soalan yang diberikan.

25.Mengapakah peniaga itu di tangkap dan barang-barangnya di rampas?

A Pihak polis sudah lama memerhatikan gerak geri peniaga itu.

B peniaga itu cuba melarikan diri tetapi gagal

C Berkali-kali peniaga itu ditangkap tetapi dia masih berdegil

D kaset-kaset dan pita video yang dijualnya ialah barangan cetak rompak.

**Jawapan D**

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

26. Semenjak kedua – dua ibu bapanya meninggal dunia dalam kemalangan jalan raya, Ahmad menjadi seorang yang pendiam dan suka menyendiri.

A Kematian kedua ibu bapanya dalam kemalangan jalan raya menjadikan Ahmad seorang yang pendiam dan suka menyendiri.

B Ibu bapa Ahmad yang meninggal dunia dalam kemalangan jalan raya seorang yang pendiam dan suka menyendiri.

C kemalangan jalan raya yang menimpa ibu bapa Ahmad menyebabkan dia menjadi pendiam dan suka menyendiri.

WWW.ANDREWCHOO.EDU.MY

D Ahmad menjadi seorang yang penmdiam dan suka menyendiri semenjak kedua-dua ibu bapanya kemalangan jalan raya.

**Jawapan A**

27.Pemandu yang dikenakan saman oleh pihak polis kerana memandu dalam keadaan mabuk dan merbahaya.

A Drebar itu mendapat saman daripada kakitangan polis kerana memandu dalam keadaan terhuyung haying dan merbahaya.

B Pihak polis mengenakan saman ke atas pemandu itu kerana membawa kereta dalam keadaan mabuk dan merbahaya.

C Dalam keadaan mabuk dan berbahaya pemandu itu dikenakan saman oleh pihak polis.

**Jawapan B**

28. Pilih ayat yang betul.

I. Perginya tidak akan kembali lagi.
II. Fail itu disepah rapi diatas rak
III. Gunakan bahasa yang mudah,baik, dan lancer.
IV. Cerita itu hanyalah buatan semata-mata.

A I sahaja
B I dan II
C I dan III
D II, III, IV

**Jawapan C**

29.Pilih ayat yang betul.

I. Azidah tidak tahu ke mana hendak tuju.
II. Faizul menyampaikan sebuah lagu di majlis perkahwinan kawanya.
III. Saya dan emak ke klinik atas sakit perut.
IV. Sungguhpun kurang sakit, dia tetap berkerja.

A I dan II
B I, II dan III
C I, II dan IV
D I, II, III dan IV

**Jawapan C**

WWW.ANDREWCHOO.EDU.MY

30.Pilih ayat yang **bergaris** dengan betul.

I Ayah sudah pulang dari menorah gerah sebelummatahari terbit.

II Perasaan ingin menolong budak cacat itu terbit daripada hatinya yang ikhlas.

III Ali terbit ke sekolah pada pukul 8.30 pagi.

IV majalah itu terbit setiap bulan.

A I dan II　　B II dan III

C I,II dan III　　C II,III dan IV

**Jawapan C**

WWW.ANDREWCHOO.EDU.MY